



### KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

| Tajuk Tender   | Kod Bidang Pendaftaran   | Tarikh Tutup Tender  | Taklimat Tender  |
|--|--------------------------|--|--|
| <b>TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUBAHSUAI DAN MENTAULIAH KENDERAAN MOTORHOME/COACHBUILT BAHARU UNTUK KEGUNAAN PENYIARAN BERNAMA RADIO</b><br><br><b>NO. RUJUKAN : BER/TDR/01/2023</b> | <b>110106<br/>221503</b> | <b>7 April 2023<br/>(Jumaat)<br/>jam 12.00 tengah<br/>hari</b><br><br>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan | <b>16 Mac 2023<br/>(Khamis)</b><br><br><b>(Kehadiran digalakkan)</b> |

Dokumen Tender boleh didapati mulai tarikh **16 Mac 2023 (Khamis)** pada waktu pejabat (9.00 Pagi – 5:30 Petang) di Bahagian Perolehan BERNAMA, Tingkat 6, Wisma BERNAMA, Off Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur dengan menyertakan wang pos/kiriman wang pos/ bank deraf berharga **RM150.00** yang dibuat atas nama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia kepada Akauntan (Bahagian Terimaan).

Syarikat perlu emelkan butiran dan bukti pembayaran kepada Urusetia Perolehan untuk menerima salinan asal Dokumen Tender.

Satu sesi **taklimat secara atas talian** akan diberikan dan penyertaan petender adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akaun Pendaftaran Kementerian Kewangan dan/atau wakil perwakilan kuasa (**Lampiran Surat Perwakilan Kuasa**) yang diturunkan oleh penama yang berdaftar yang sah sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, perlu membuat permohonan melalui emel kepada Urusetia Perolehan untuk mendapatkan salinan asal Dokumen Tender. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

**Tarikh : 16 Mac 2023 (Khamis)**  
**Masa : 10.30 Pagi**  
**Tempat : Secara Atas Talian**

Syarikat yang ingin menyertai taklimat perlu mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran. Syarikat juga wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Syarikat yang masih aktif ketika menghadiri taklimat tersebut. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai tender ini. Pihak tuan/puan juga boleh melayari laman web rasmi BERNAMA iaitu [www.bernama.com](http://www.bernama.com) untuk kenyataan tawaran tender BERNAMA.

Syarikat perlu mengemukakan tawaran tender secara manual ke dalam peti tender berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 7 April 2023 (Khamis)** di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan**  
**Tingkat 6, Wisma BERNAMA**  
**Jabatan Kewangan dan Pentadbiran**  
**28, Jalan BERNAMA, Off Jalan Tun Razak**  
**50400 Kuala Lumpur**  
**(u.p : Urus Setia Tender BERNAMA)**  
**No Tel : 03 - 26311405 (Encik Maaruf)**  
**E-mel : [maaruf@bernama.com](mailto:maaruf@bernama.com)**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai Dokumen Tender boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat e-emel [maaruf@bernama.com](mailto:maaruf@bernama.com).

Tawaran Tender yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.